

## ISU-ISU BERKAITAN EKONOMI GIG DI JEPUN: ANALISIS LAPORAN AKHBAR

*Siti Aminah Omar,<sup>1</sup> Rohayati Paidi,<sup>2</sup> Fumitaka Furuoka<sup>3</sup>*

**Abstract:** The global COVID-19 pandemic has transformed the media landscape in Japan, as news coverage that previously focused on the preparation for the Tokyo 2020 Olympics has shifted towards pandemic-related issues. Increased news reports on current pandemic-related issues, including those related to gig economy workers, have emerged. Social restrictions and the rise in online activities have driven the growth of the gig economy in Japan, which was initially needed to address the imbalance in talent supply and demand, along with a declining young population. However, a lack of legal oversight has led to various issues, ultimately resulting in the formation of labor unions demanding job justice for gig workers. Previous studies have been conducted on gig workers, such as labor injustices and proposals for regulating labor standards like collective bargaining, but there is still a lack of research exploring media reporting on the gig economy in Japan. Therefore, this study aims to identify current issues related to the gig economy in Japan, focusing on online food delivery platform workers through media coverage analysis. Data was collected from the online news archive of Asahi Shimbun from February 2021 to December 2022 using the search terms "gig economy" and "uber eats." The research findings were obtained through content analysis conducted with the assistance of Leximancer software. It was found that Asahi Shimbun's news reporting on the gig economy during the COVID-19 pandemic tended to be more negative in sentiment than positive. Negative sentiment emerged due to prominent reports of dissatisfaction among gig workers with the Uber Eats Japan food delivery service company, primarily stemming from changes in the delivery compensation system. This study is expected to contribute to the understanding of gig economy issues as portrayed in the media, serving as a guide for policymakers, industry stakeholders, and labor unions to improve the quality of gig work in Japan and globally.

**Keywords:** Sentiment analysis, gig economy, food delivery, Leximancer

**Abstrak:** Pandemi global COVID-19 telah mengubah landskap media di Jepun apabila liputan berita yang sebelumnya berfokus kepada penganjuran sukan Olimpik Tokyo 2020 telah beralih kepada isu-isu berkaitan pandemik. Peningkatan laporan berita mengenai isu-isu semasa pandemik termasuklah isu pekerja ekonomi gig. Sekatan aktiviti sosial serta peningkatan aktiviti dalam talian telah mendorong perkembangan ekonomi gig di Jepun yang pada mulanya diperlukan bagi mengatasi ketidakseimbangan dalam permintaan dan penawaran bakat seiring dengan

---

<sup>1</sup> Penulis pertama dan koresponden: Siti Aminah Omar adalah pelajar ijazah tinggi, Jabatan Pengajian Asia Timur, Universiti Malaya. Email: osusuminmin@gmail.com.

<sup>2</sup> Penulis kedua: Rohayati Paidi, Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Asia Timur, Universiti Malaya. Email: rohayatipaidi@um.edu.my.

<sup>3</sup> Penulis ketiga: Fumitaka Furuoka adalah Profesor Madya, Institut Asia Eropah, Universiti Malaya. Email: fumitaka@um.edu.my.

bilangan penduduk muda yang berkurangan. Namun, kekurangan pengawalseliaan undang-undang telah menimbulkan pelbagai isu lantas membawa kepada penubuhan kesatuan sekerja yang menuntut keadilan pekerjaan buat pekerja gig. Kajian lepas telah dilakukan mengenai pekerja gig seperti ketidakadilan pekerja dan cadangan untuk mengawal selia standard buruh seperti tawar-menawar kolektif, namun begitu masih terdapat kekurangan dalam kajian penerokaan berkenaan dengan pelaporan media terhadap ekonomi gig di Jepun. Maka, kajian ini bermatlamat mengenalpasti isu semasa berkaitan ekonomi gig di Jepun dengan berfokus kepada pekerja platform penghantaran makanan dalam talian melalui analisis liputan media. Data dikumpulkan daripada arkib berita dalam talian akhbar Asahi Shimbun bagi tempoh Februari 2021 hingga Disember 2022 dengan menggunakan kata carian “gig economy” dan “uber eats.” Hasil kajian diperolehi melalui analisis kandungan yang dilaksanakan dengan bantuan perisian Leximancer. Didapati bahawa, pelaporan berita Asahi Shimbun terhadap ekonomi gig semasa pandemik COVID-19 lebih cenderung kepada artikel bersentimen negatif berbanding artikel bersentimen positif. Sentimen negatif terhasil berikutan laporan yang ketara mengenai ketidakpuasan hati pekerja gig terhadap syarikat perkhidmatan penghantaran makanan Uber Eats Japan disebabkan oleh perubahan sistem pampasan penghantaran. Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan ilmu kepada pemahaman tentang isu ekonomi gig seperti yang tertera dalam media, seterusnya menjadi panduan bagi pembuat dasar, pihak berkepentingan dalam industri dan kesatuan pekerja bagi meningkatkan kualiti pekerja gig di Jepun khususnya dan di seluruh dunia amnya.

**Kata kunci:** analisis sentimen, ekonomi gig, penghantaran makanan, Leximancer

---

## PENDAHULUAN

Pandemik global COVID-19 yang diklasifikasikan sebagai penyakit berjangkit dalam kategori “Influenza Baharu, dan lain-lain” di bawah Akta Kawalan Penyakit Berjangkit di Jepun telah mengubah lanskap berita negara tersebut. Liputan berita yang sebelumnya berfokus kepada penganjuran sukan Olimpik Tokyo 2020 telah digantikan dengan kemungkinan pembatalan temasya sukan tersebut, ancaman pandemik dan pengisytiharaan status darurat pada April 2020. Sejajar dengan pengisytiharaan status darurat, aktiviti sosial seperti makan di tempat awam telah dikenakan sekatan, yang kemudiannya mendorong kepada peningkatan dalam perkhidmatan penghantaran makanan dalam talian. Ini kerana satu-satunya cara untuk perniagaan restoran meneruskan perniagaan semasa tempoh sekatan COVID-19 adalah dengan bergantung kepada perkhidmatan sedemikian. Peningkatan yang ketara dalam aktiviti dalam talian telah menjadi fokus utama liputan media di seluruh dunia.<sup>4</sup>

Di Jepun, UberEats telah menjadi salah satu platform penghantaran makanan yang popular, bersaing dengan Demae-Can. Data dari Measurable AI menunjukkan bahawa UberEats mendominasi sekitar 66 peratus pasaran penghantaran makanan di Jepun, manakala Demae-Can menguasai kira-kira 33 peratus yang lain.<sup>5</sup> UberEats memulakan operasinya di

---

<sup>4</sup> NikkeiAsia, "Uber teams up with Japan's Rakuten as food delivery war heats up," (Japan), 18 April 2022, [https://asia.nikkei.com/Business/Companies/Uber-teams-up-with-Japan-s-Rakuten-as-food-delivery-war-heats-up#:~:text=Uber;NikkeiAsia,\"Uber teams up with Japan's Rakuten as food delivery war heats up.](https://asia.nikkei.com/Business/Companies/Uber-teams-up-with-Japan-s-Rakuten-as-food-delivery-war-heats-up#:~:text=Uber;NikkeiAsia,\)

<sup>5</sup> "Japan's Untapped Food Delivery Market is Already Crowded: Who's Winning?," updated 31 September 2021, 2021, accessed May 19, 2023, <https://blog.measurable.ai/2021/09/30/japans-untapped-food-delivery-market-is-already-crowded-whos-winning/>; Sheng, "Japan's Untapped Food Delivery Market is Already Crowded: Who's Winning?."

Jepun pada penghujung tahun 2016 dan telah meraih peningkatan populariti yang ketara ketika pandemik COVID-19 melanda, dengan lebih daripada 150,000 restoran berdaftar di bawah platform UberEats.<sup>6</sup>

UberEats bermula secara perlahan iaitu dengan hanya sekitar 150 restoran berdaftar di peringkat awalnya namun kemudiannya menunjukkan perkembangan yang mantap apabila ia hanya mengambil masa lima bulan untuk meningkatkan aktiviti penghantarannya sebanyak 20 peratus.<sup>7</sup> Hasilnya, pada Februari 2020, bilangan restoran yang berdaftar dengan UberEats telah melonjak kepada angka 17,000, dipacu oleh seruan kerajaan yang menggesa orang ramai untuk tinggal di rumah bagi membendung penularan wabak COVID-19.<sup>8</sup> Kini, UberEats beroperasi di 27 buah bandar di Jepun dengan lebih daripada 15,000 pekerja penghantaran.<sup>9</sup>

Konsep gig secara tradisinya merujuk kepada persembahan secara langsung atau 'buskers' yang dilakukan pada satu-satu masa bagi memperolehi pendapatan dalam jangka masa pendek<sup>10</sup>. Namun begitu, konsep ini telah digunakan dalam konteks ekonomi dengan konsep kolektif digital yang lebih besar di mana platform perantara yang menghubungkan pekerja dan pengguna akhir berdasarkan tugas adalah merupakan ekonomi gig<sup>11</sup>. Walaupun terdapat pelbagai konsep yang telah dikategorikan oleh sarjana-sarjana yang berbeza dalam bidang ekonomi gig, pada dasarnya kerja gig boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu (i) kerja atas permintaan melalui aplikasi, dan (ii) kerja berdasarkan komuniti atau kerja amali.<sup>12</sup>

Ekonomi gig, yang juga dikenali sebagai ekonomi platform, merujuk kepada jenis pekerjaan yang dikategorikan sebagai pekerjaan dalam talian yang membolehkan individu menjalankan tugas berbayar bagi pelanggan, sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap jenis pekerjaan tradisional untuk mencari peluang pekerjaan.<sup>131415</sup> Kerja atas permintaan merupakan bentuk pekerjaan yang melibatkan penggunaan platform kerja fizikal dan penyampaian perkhidmatan fizikal dalam pasaran buruh mudah alih (MLM), seperti pekerja perkhidmatan penghantaran makanan dan pemandu Uber. Manakala kerja amali pula melibatkan kerja berasaskan komputer seperti animator bebas dan penulis salinan bebas (juga dikenali sebagai pasaran buruh dalam talian (OLM)).<sup>16</sup> Walaupun terdapat persamaan dalam mekanisme kerja di antara kedua-dua kategori ini, seperti fleksibiliti dalam masa kerja, namun kerja atas permintaan melibatkan aspek seperti perjalanan berulang-alik, interaksi fizikal secara langsung dengan penjual dan pembeli, yang akhirnya mendedahkan pekerja ekonomi gig

---

<sup>6</sup> Ibid

<sup>7</sup> "UberEats officially launches in Tokyo," 2016, <https://www.techinasia.com/ubereats-official-tokyo-launch>.

<sup>8</sup> Hamza Umer, "Illusory freedom of physical platform workers: Insights from Uber Eats in Japan," *The Economic and Labour Relations Review* 32, no. 3 (2023), <https://doi.org/10.1177/1035304621992466>.

<sup>9</sup> News Kyodo, "Uber Eats delivery staff in Japan form labor union," 2019, <https://english.kyodonews.net/news/2019/10/d2198529f08b-update1-uber-eats-delivery-staff-in-japan-form-labor-union.html>.

<sup>10</sup> Ibid

<sup>11</sup> Yosuke Uchiyama et al., "Labour Union's Challenges for Improving for Gig Work Conditions on Food Delivery in Japan: A Lesson for Malaysia," *International Journal of East Asian Studies* 11, no. 1 (2022), <https://doi.org/10.22452/ijeas.vol11no1.7>.

<sup>12</sup> Saori Shibata, "Gig Work and the Discourse of Autonomy: Fictitious Freedom in Japan's Digital Economy," *New Political Economy* 25, no. 4 (2020), <https://doi.org/10.1080/13563467.2019.1613351>, <https://doi.org/10.1080/13563467.2019.1613351>.

<sup>13</sup> Christophe Degryse, "Digitalisation of the Economy and its Impact on Labour Markets," *SSRN Electronic Journal* (2016), <https://doi.org/10.2139/ssrn.2730550>.

<sup>14</sup> Ruth B. Collier et al., "Working Paper Series Title Labor Platforms and Gig Work: The Failure to Regulate," *UC Berkeley: Institute for Research on Labor and Employment* (2017), <https://escholarship.org/uc/item/4c8862zj>.

<sup>15</sup> Shibata, "Gig Work and the Discourse of Autonomy: Fictitious Freedom in Japan's Digital Economy."

<sup>16</sup> Collier et al., "Working Paper Series Title Labor Platforms and Gig Work: The Failure to Regulate."

kepada ketidakpastian cuaca dan risiko kesihatan dan keselamatan yang lebih tinggi berbanding kerja amali, terutamanya dalam tempoh penularan wabak COVID-19.<sup>17</sup>

Pada asasnya, konsep ekonomi gig mula mendapat populariti dan perhatian yang signifikan di Jepun pada pertengahan tahun 2010-an. Ini terjadi ketika semakin banyak pekerja mencari solusi kerja yang fleksibel, dan pada masa yang sama, lebih banyak perniagaan beralih kepada platform ekonomi gig untuk mendapatkan sumber tenaga kerja. Jepun, yang dahulunya mengamalkan sistem pekerjaan tradisional seperti pekerjaan sepanjang hayat (*shūshin koyō*), kini semakin menerima konsep pekerja bebas dan tenaga kerja yang fleksibel.<sup>18</sup> Langkah ini bukanlah perkara yang mudah bagi Jepun, kerana *shūshin koyō* telah menjadi bahagian yang kuat dalam budaya perekrutan di negara itu. Meskipun begitu, usaha perlu dilakukan untuk menangani ketidakseimbangan dalam permintaan dan penawaran bakat, terutamanya dengan penurunan bilangan penduduk muda.

Laporan daripada Lancers mendapati jumlah pekerja bebas di Jepun telah mengalami pertumbuhan sebanyak 23 peratus dari tahun 2015 hingga tahun 2018, dengan seramai 7.44 juta penduduk Jepun, mewakili 11 peratus daripada tenaga kerja, terlibat dalam sekurang-kurangnya dua pekerjaan pada satu-satu masa. Lancers merupakan salah satu platform dalam talian yang utama di Jepun yang menghubungkan bakat dengan peluang kerja. Kajian ini turut menemukan bahawa sebanyak 17% daripada populasi pekerja di Jepun terlibat dalam ekonomi gig sebagai pekerja bebas, sama ada sepenuh masa, separuh masa, sebagai pekerja sampingan, atau pekerja gig yang mempunyai beberapa sumber pendapatan.<sup>19</sup> Tinjauan oleh Lancers (2018) mendapati bahawa, bilangan pekerja bebas di Jepun telah mengalami pertumbuhan sebanyak 23% dari tahun 2015 hingga tahun 2018 dengan 7.44 juta penduduk Jepun, mewakili 11% daripada tenaga kerja, melakukan sekurang-kurangnya dua pekerjaan dalam satu masa. Tinjauan yang sama juga mendapati bahawa sebanyak 17% daripada populasi pekerja Jepun kini terlibat dalam perdagangan bebas sebagai pekerja bebas sama ada sepenuh masa, separuh masa, sebagai pekerjaan sampingan, dan pekerja gig yang mempunyai beberapa sumber pendapatan.<sup>20</sup>

Lonjakan ekonomi gig di Jepun turut dibuktikan menerusi dapatan kajian yang dijalankan oleh Payoneer, sebuah platform pembayaran digital, yang menemukan bahawa pendapatan pekerja bebas Jepun telah meningkat sebanyak 125% setiap tahun dari tahun 2018 hingga tahun 2019.<sup>21</sup> Peningkatan bilangan pekerja yang membuat lebih dari satu pekerjaan dalam mendapatkan pendapatan tambahan sedikit sebanyak disokong oleh kerajaan Jepun dengan melonggarkan peraturan yang melarang atau tidak menggalakkan pekerja daripada mendaftar untuk kerja sampingan. Menurut kaji selidik oleh setiausaha kabinet pada tahun 2020, kira-kira 4.62 juta orang Jepun bekerja sebagai pekerja bebas dengan 2.14 juta orang menjadikan kerja gig sebagai pendapatan utama dan 2.48 juta orang sebagai pekerjaan sambilan.<sup>22</sup> Bagi meningkatkan perlindungan kepada pekerja bebas yang bekerja tanpa afiliasi jangka panjang dengan syarikat platform gig atau mana-mana organisasi yang mengambil pekerja gig, serta bagi mengelakkan masalah seperti transparansi kontrak kerja kepada pekerja, Jepun merancang untuk mengemukakan sebuah rancangan undang-undang kepada Diet Kebangsaan Jepun.<sup>23</sup> Walaupun semasa artikel ini ditulis masih tiada kata putus dari diet Jepun

---

<sup>17</sup> Degryse, "Digitalisation of the Economy and its Impact on Labour Markets."

<sup>18</sup> Lancer, "進化するフリーランスの未来 - フリーランス実態調査 2018 - 今回の調査概要 (The evolving future of freelancing)," (2018).

<sup>19</sup> Ibid

<sup>20</sup> Ibid

<sup>21</sup> Richard Clayton, "The Growth of the Gig Economy in Japan: An Interview with Appen," (2019). <https://blog.payoneer.com/home-page/gig-economy-japan-interview-with-appen/>.

<sup>22</sup> Times The Japan, "Japan aims to create new law to better protect freelancers," (Japan) 2023, <https://www.japantimes.co.jp/news/2023/01/30/national/crime-legal/freelancers-legal-framework/>.

<sup>23</sup> Ibid

mengenai status rancangan undang-undang baharu ini, Kementerian Buruh Jepun telah mula membincangkan tentang langkah-langkah perlindungan yang relevan bagi pekerja gig fizikal terutamanya mereka yang berada dalam sektor penghantaran makanan.<sup>24</sup> Jika undang-undang ini diluluskan, rang undang-undang ini mungkin dapat mendorong syarikat-syarikat platform gig untuk menambahbaik keadaan kerja pekerja gig. Tambahan lagi, kekurangan tenaga buruh telah memaksa banyak syarikat dan firma di Jepun supaya menawarkan kontrak pekerjaan yang fleksibel untuk mengurangkan kos dan menarik lebih ramai pekerja.<sup>25</sup>

Dalam pada itu, Jepun tidak terkecuali dalam perbincangan tentang isu yang dihadapi oleh pekerja gig. Sebagai contoh, kekurangan pengawalseliaan undang-undang ke atas pekerja gig atas permintaan berasaskan aplikasi (pemandu dan penunggang syarikat penghantaran makanan dalam talian) telah membawa kepada penubuhan kesatuan sekerja *Uber Eats Union*. Walaupun perundingan kolektif masih tidak dilayan oleh syarikat platform Uber, namun usaha aktif yang dilakukan bagi mendapatkan keadilan untuk pekerja gig telah menggalakkan pembentukan kesatuan buruh baharu pada platform gig yang lain.<sup>26</sup> Jepun dilihat terkecuali dari segi mendapatkan keadilan pekerja. Pelbagai kajian lepas telah dilakukan mengenai isu yang dihadapi oleh pekerja gig berasaskan komputer seperti ketidakadilan pekerja<sup>27,28</sup> dan cadangan untuk mengawal selia standard buruh seperti tawar-menawar kolektif.<sup>29</sup> Kajian ini bermatlamat meninjau secara lebih meluas mengenai isu-isu berkaitan ekonomi gig di Jepun melalui analisis liputan media dengan memfokus kepada pekerja platform penghantaran makanan dalam talian.

## ULASAN KARYA

Terdapat beberapa isu yang diketengahkan oleh pengkaji terdahulu berkenaan dengan ekonomi gig di Jepun. Dalam kajian oleh Shibata<sup>30</sup> mengatakan terdapat kritikan umum terhadap kajian kesusasteraan sedia ada mengenai ekonomi gig, apabila beliau mengetengahkan tekanan yang dihadapi oleh pekerja gig. Kelebihan pekerja gig seperti yang diutarakan oleh penyelidik lepas telah dipersoalkan dengan merujuk kepada contoh ekonomi gig di Jepun. Dalam memacu pertumbuhan ekonomi, pentingnya bekalan buruh yang fleksibel bagi mencegah kebimbangan sosial terhadap penuaan penduduk, penyertaan buruh wanita dan persaingan teknologi baharu dalam pasaran buruh. Dengan adanya platform ekonomi gig, pertumbuhan ekonomi sedikit sebanyak dapat dipacu khususnya menerusi penawaran tenaga buruh yang fleksibel.<sup>31</sup>

Kajian lain pula melihat kepada penjelasan teori platform kapitalisme termasuklah ekonomi perkongsian, ekonomi platform, ekonomi gig, dan penyumberan ramai dengan menunjukkan ekonomi platform dan ekonomi gig mempunyai pelbagai aspek pekerjaan berbeza dan merupakan dua aspek yang paling dekat dengan kapitalisme digital. Dari segi jenis interaksi, didapati keempat-empat platform kapitalisme mempunyai interaksi perniagaan-ke-

---

<sup>24</sup> Shimbun The Asahi, "Uber Eats staff forms union, wants security delivered hot," (Japan, 2019).

<https://www.asahi.com/ajw/articles/13059310>; The Asahi, "Uber Eats staff forms union, wants security delivered hot."

<sup>25</sup> Policy The Japan Institute for Labor, *Labor Situation in Japan and Its Analysis* (2006),

<http://www.jil.go.jp/english/ljsj/detailed/2005-2006/chapter1.pdf>.

<sup>26</sup> Uchiyama et al., "Labour Union's Challenges for Improving for Gig Work Conditions on Food Delivery in Japan: A Lesson for Malaysia."

<sup>27</sup> Desai Shan and Pengfei Zhang, "Enforcing workers' compensation rights for Chinese seafarers in human resource supply chains," (2021), <https://doi.org/10.1177/1035304620962724>.

<sup>28</sup> M. Jesus Artero, R. Gomez-Alvarez, and Cristina Borra, "Education, inequality and use of digital collaborative platforms: The European case," (2020), <https://doi.org/10.1177/1035304620943109>.

<sup>29</sup> Andrew Stewart and Jim Stanford, "Regulating work in the gig economy: What are the options?," *Economic and Labour Relations Review* 28, no. 3 (2017), <https://doi.org/10.1177/1035304617722461>.

<sup>30</sup> Shibata, "Gig Work and the Discourse of Autonomy: Fictitious Freedom in Japan's Digital Economy."

<sup>31</sup> Ibid

pelanggan (P2P) dan perniagaan-ke-orang dengan penekanan kepada transformasi, inovasi dan peluang kepada orang ramai sehingga menghalang realiti sebenar kuasa politik dan hubungan kuasa yang tersembunyi di sebalik konsep-konsep ini.<sup>32</sup> Kajian lepas mengenai penyampaian berita terhadap ekonomi gig telah menganalisis tiga media akhbar Australia dalam perwakilan berita ekonomi gig. Terdapat lima tema utama muncul dalam 456 korpus berita yang dikumpulkan iaitu demografi pekerja, keadaan kerja, hak pekerja, halangan dan peraturan oleh syarikat gig, serta perubahan dan gangguan dalam tenaga kerja tradisional.<sup>33</sup> Ini mengesahkan walaupun terdapat persaingan dalam melaporkan berita dalam tiga akhbar yang berlainan, masing-masing bersetuju bahawa peningkatan populariti ekonomi gig adalah tidak dapat dielakkan dalam evolusi hubungan antara modal negara dan pekerja.<sup>34</sup> Tema-tema yang muncul juga dibahas dengan menggunakan teori wacana *Hegemony and Socialist Strategy. Towards a Radical Democratic Politics* untuk mengkaji pembinaan konsep 'ekonomi gig' dalam budaya khayalan termasuklah kesukaran untuk mengawal selia platform ekonomi gig dan naratif ketidakpastian yang digunakan untuk menggambarkan perubahan alam pekerjaan disebabkan oleh teknologi.<sup>35</sup> Walau bagaimanapun, teori wacana tidak memberikan definisi mutlak kepada fenomena yang berlaku, sebaliknya ia membenarkan lebih banyak analisis hubungan antara wacana untuk bersaing. Berbeza dengan kajian terdahulu, kajian yang sedang dijalankan ini bermatlamat meninjau tema-tema yang terkandung dalam akhbar di Jepun mengenai isu berkaitan ekonomi gig dengan bantuan perisian Leximancer.

## METODOLOGI

Perisian Leximancer merupakan alat perisian yang digunakan untuk memudahkan proses analisis teks dan analisis kandungan.<sup>36</sup> Ia digunakan untuk mengenal pasti corak, tema, dan hubungan dalam jumlah data yang tidak berstruktur. Dalam Leximancer, kata kunci dipanggil sebagai konsep dan ini dikumpulkan ke dalam tema, di mana tema adalah berdasarkan persamaan kontekstual dan mewakili secara visual dalam bentuk peta konsep.<sup>37</sup> Langkah yang dilakukan dalam analisis kandungan menggunakan Leximancer dimulakan dengan menentukan soalan penyelidikan atau topik, soalan penyelidikan kajian ini adalah berfokus kepada isu semasa berkaitan ekonomi gig di Jepun.

Data dikumpulkan daripada arkib berita Asahi Shimbun yang bertarikh antara Februari 2021 sehingga Disember 2022. Tahun capaian berita adalah bersamaan dengan peningkatan ketara kes COVID-19 di Jepun yang direkodkan berjumlah 426,604 kes pada awal tahun 2021, kemudian meningkat kepada 1,728,689 kes pada bulan Disember 2021, dan seterusnya mencecah sehingga 25,220,425 kes pada awal Disember 2022.<sup>38</sup> Capaian berita diperolehi daripada arkib berita Universiti Toyama yang kemudiannya disimpan dalam format fail digital Microsoft Word. Langkah dalam menjalankan analisis kandungan menggunakan Leximancer adalah menentukan fokus penyelidikan, pengumpulan data, pra-proses data, import data,

---

<sup>32</sup> Yin Liang, Jeremy Aroles, and Bernd Brandl, "Charting platform capitalism: Definitions, concepts and ideologies," *New Technology, Work and Employment* 37, no. 2 (2022), <https://doi.org/10.1111/ntwe.12234>.

<sup>33</sup> Luci Pangrazio, Cameron Bishop, and Fiona Lee, "Old Media, New Gigs: The Discursive Construction of the Gig Economy in Australian News Media," *Work, Employment and Society* (2021), <https://doi.org/10.1177/095001702111034663>, <https://doi.org/10.1177/095001702111034663>.

<sup>34</sup> Ibid

<sup>35</sup> Pangrazio, Bishop, and Lee, "Old Media, New Gigs: The Discursive Construction of the Gig Economy in Australian News Media."

<sup>36</sup> Andrew E. Smith and Michael S. Humphreys, "Evaluation of unsupervised semantic mapping of natural language with Leximancer concept mapping," *Behavior Research Methods* 38, no. 2 (2006), <https://doi.org/10.3758/BF03192778>.


<sup>37</sup> Ibid

<sup>38</sup> Kenji Karako et al., "COVID-19 in Japan during 2020-2022: Characteristics, responses, and implications for the health care system," *Journal of Global Health* 12 (2022), <https://doi.org/10.7189/jogh.12.03073>.

penetapan analisis dan analisis data, tafsiran dan pengesahan dapatan data dan hasil analisis data dalam bentuk peta konsep. Dengan melakukan analisis kandungan, kita dapat mengenalpasti mesej utama yang ingin disampaikan di sebalik perkembangan ekonomi gig serta melihat agenda penyampaian berita akhbar Asahi Shimbun yang dipandang luas kewartawanannya sebagai salah satu akhbar harian nasional tertua dan terbesar di Jepun.

Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan kata carian *uber eats* dan *gig economy*. Pra-proses data dilakukan bagi mengeluarkan maklumat yang tidak relevan dalam kajian serta melibatkan penghapusan kata henti, tanda baca, dan nombor dalam teks berita yang akan diimport sebagai data dalam perisian Leximancer. Pengimportan data ke dalam Leximancer boleh menggunakan pelbagai jenis data, termasuk teks, audio, dan video. Seterusnya, penetapan analisis data dilakukan bagi menentukan parameter analisis dengan menetapkan bahasa, bilangan konsep yang wujud, dan tahap butiran yang diperlukan semasa analisis dilakukan bagi mengenal pasti corak, tema dan hubungan antara data berita yang dikumpulkan.<sup>39</sup> Tafsiran data menggunakan alat visualisasi yang tersedia dalam Leximancer digunakan bagi mendapatkan corak dapatan yang diterima dan dalam memastikan kebolehpercayaan dan kebolehpaduan keputusan, perbandingan dengan analisis secara manual oleh penulis telah dilakukan.

Hasil analisis data dilampirkan dalam bentuk peta konsep. Peta konsep adalah alat grafik untuk menunjukkan organisasi pengetahuan. Ia termasuk konsep yang ditunjukkan dalam bulatan atau kotak yang ditunjukkan oleh garis penghubung yang menghubungkan konsep yang sama, manakala pautan silang menunjukkan hubungan antara konsep, yang wujud dalam domain atau segmen yang berbeza pada peta konsep. Tema-tema yang wujud dalam peta konsep diwakili oleh peta warna yang bermula dari panas ke sejuk, di mana warna merah melambangkan tema yang paling 'panas' atau utama, dan warna ungu melambangkan tema yang paling 'sejuk' atau yang paling sedikit mempunyai kaitan dengan peta konsep.<sup>40</sup>



**Rajah 1: Langkah analisis kandungan menggunakan perisian Leximancer**  
**Sumber: Leximancer User Guide Release 4.5 dan pengubahsuaian oleh pengarang**


Kajian ini menemukan sebanyak 100 laporan akhbar yang menggunakan kata kunci *Uber Eats* dan *Gig Economy*. Namun begitu, saringan tambahan yang dilakukan bagi mengenalpasti berita-berita yang berkaitan dengan ekonomi gig dan syarikat penghantaran makanan Uber Eats mendapati hanya 69 artikel berita yang relevan digunakan untuk kajian ini. Kesemua 69 artikel berita ini diproses untuk mengenalpasti sentimen serta tema-tema yang terkandung di dalamnya.

<sup>39</sup> Leximancer, "LeximancerManual.pdf," (2011).

<sup>40</sup> Ibid

## DAPATAN KAJIAN

Hasil analisis sentimen menunjukkan bahawa laporan akbar mengenai Uber Eats dan ekonomi gig di Jepun mengandungi lebih banyak sentimen negatif berbanding sentimen positif. Dari segi bilangan, terdapat 38 laporan akhbar mengandungi sentimen negatif, 23 laporan akhbar mengandungi sentimen neutral, dan hanya lapan laporan akhbar yang mengandungi sentimen positif. Analisis tema pula mendapati, tema utama yang terkandung dalam laporan akhbar bersentimen negatif ialah *delivery*, *drivers*, *laws*, *uber* dan *act*. Manakala tema utama bagi laporan akhbar bersentimen positif pula antaranya adalah *uber*, *day*, *delivery*, *workers* dan *short*. Perincian tema mengikut sentimen ditunjukkan dalam Rajah 2. Salah satu contoh laporan akhbar bersentimen negatif melaporkan mengenai ketidakpuasan hati pekerja gig terhadap pengendali perkhidmatan penghantaran makanan Uber Japan Co. disebabkan oleh perubahan sistem pampasan penghantaran yang dibuat pada Mei 2021.



**Rajah 2: Peta konsep yang dijana menggunakan perisian Leximancer**

Seperti mana yang dapat diperhatikan menerusi Rajah 2, tema atau konsep utama yang terkandung dalam akhbar bersentimen negatif terdiri daripada penghantaran, pemandu, undang-undang dan akta, serta Uber dengan perkaitan antara perkataan seperti sistem, Jepun, tahun, masyarakat, pekerja, jalan, pembayaran, kesatuan, daerah, kelajuan, pejalan kaki, kemalangan, syarat, akta, kenaikan, rangkaian, dan polis. Laporan akhbar dengan sentimen positif pula mengandungi tema utama seperti penghantaran, pekerja, Uber, dan masa yang singkat dengan perkaitan antara perkataan seperti pekerja, masyarakat, permintaan, mata wang yen, basikal, kemudahan, masa, perkhidmatan, makanan, dipanggil, restoran, eksekutif, COVID, peningkatan, dan hari-hari. Dapatan analisis Leximancer ini kemudiannya dibincangkan mengikut tema-tema utama beserta isu-isu berkaitan ekonomi gig yang muncul semasa pandemik COVID-19 melanda Jepun.

### ISU NEGATIF DALAM TEMA “PENGHANTARAN”

Secara umumnya, laporan akhbar Asahi Shimbun yang bertemakan penghantaran dan bersentimen negatif membincangkan tentang kebimbangan terhadap pekerja gig di Jepun, dengan pelbagai isu dikaitkan secara langsung dengan pekerja penghantaran makanan. Salah



satu contohnya ialah mengenai pengelakan cukai oleh pekerja gig. Akhbar Asahi Shimbun melaporkan bahawa, sebagai pekerja bebas yang tidak mempunyai majikan, ramai daripada pekerja gig tidak membayar cukai kepada Agensi Cukai Negara. Akibatnya, pihak berkuasa terpaksa meminta maklumat dari syarikat gig seperti Uber Eats Jepun untuk menyasat status cukai pemandu penghantaran mereka (*Julai 2021*). Dalam kes lain, dua orang pekerja Uber Eats telah dirujuk ke pejabat peguam negara di wilayah Osaka akibat melanggar akta pengangkutan jalan raya kerana menghantar makanan tanpa permit (*Januari 2022*).

Laporan lain pula memaparkan kes seorang bekas pengarah syarikat yang kehilangan pekerjaan disebabkan pandemik harus beralih pekerjaan kepada penghantar makanan demi menampung keperluan hidup namun hanya mampu memperoleh 7,000 yen sehari. Oleh kerana beliau diklasifikasikan sebagai pekerja perseorangan, maka tiada pampasan akan diterima sekiranya jatuh sakit atau mengalami kecederaan (*Oktober 2021*).

Selain itu, akhbar Asahi Shimbun melaporkan bahawa syarikat Uber Eats sedang berhadapan dengan beberapa isu undang-undang di Jepun sehingga syarikat itu mengumumkan bahawa ia akan menanggungkan pendaftaran baharu untuk pemandu dan penghantar dalam kalangan pelajar asing (*September 2021*). Ini berikutan kes di mana seorang pekerja syarikat tersebut telah didakwa pada Jun 2021 kerana membantu seorang warga asing tanpa status penempatan yang sah untuk menjadi pemandu penghantaran.

Berita negatif berkait dengan penghantar makanan warga asing turut boleh dirujuk kepada laporan akhbar mengenai penahanan seorang warga Inggeris yang bekerja sebagai penghantar makanan UberEats dan telah melanggar seorang pejalan kaki dengan basikalnya sebelum melarikan diri dari tempat kejadian (*Jun 2021*). Laporan akhbar kemudiannya pula memuatkan maklumat tentang pemandu penghantaran ini yang dijatuhi hukuman penjara selama dua tahun atas kesalahan pembunuhan tidak sengaja berhubung dengan kemalangan tersebut, di mana dia didapati telah melanggar pejalan kaki semasa menghantar makanan di atas basikalnya ketika dalam keadaan hujan.

Selain daripada isu-isu di atas, terdapat juga kebimbangan terhadap teknologi moden yang digunapakai, yang dilihat mampu menjejaskan syarikat penghantaran makanan. Contohnya, perkhidmatan penghantaran makanan Delivery Hero dan Foodpanda telah mengumumkan pengunduran dari pasaran Jepun disebabkan persaingan sengit dengan syarikat gig yang lain (*Disember 2021*). Di samping itu, sistem pembayaran elektronik yang digunakan juga berpotensi menyebabkan gangguan kepada perkhidmatan dalam talian sehingga memberi kesan kepada perkhidmatan penghantaran disebabkan kesulitan untuk mendapatkan pekerja dan kesulitan untuk membayar tempahan yang dibuat (*Oktober 2021*).

## **ISU POSITIF DALAM TEMA “PENGHANTARAN”**

Secara keseluruhannya, berita Asahi Shimpun yang melaporkan isu positif bagi tema penghantaran banyak menekankan tentang keperluan perkhidmatan penghantaran makanan dalam keadaan semasa dan inisiatif yang diberikan oleh pihak berwajib kepada pekerja mahupun orang ramai bagi memudahkan akses kepada keperluan harian serta sokongan untuk mutu pekerjaan yang lebih baik.

Sebagai contoh, terdapat laporan akhbar yang membincangkan tentang peningkatan hab penghantaran khusus dan pembukaan restoran dalam talian sehingga mendorong persaingan sengit dari segi masa penghantaran (*November 2021*). Uber Eats pula dilaporkan telah memperluaskan perkhidmatannya ke wilayah Fukushima, menandakan bahawa syarikat tersebut kini sudah menjalankan perniagaan di 40 wilayah di sekitar ibu kota Jepun (*Mei 2022*). Perkembangan sebegini dijangka memberikan manfaat kepada pelanggan kerana mereka dapat memastikan perkhidmatan yang lebih pantas dan meluas. Terdapat juga artikel berita yang melaporkan tentang perkhidmatan baharu di stadium Rakuten Seimei Park Miyagi di Bandar

Sendai, di mana pelanggan boleh memesan makanan dan minuman melalui aplikasi telefon pintar dan menunggu makanan tersebut dihantar terus kepada mereka tanpa kebimbangan mereka akan terlepas menonton perlawanan di stadium. Perkhidmatan ini didapati menggunakan perkhidmatan syarikat penghantaran Uber Eats dengan tiada kos penghantaran dikenakan kerana lebih 40 buah kedai di sekeliling stadium menggunakan khidmat penghantaran dari Uber Eats (*September 2022*).

Laporan akhbar lain pula membincangkan tentang seminar keselamatan lalu lintas oleh polis wilayah Totsuka di Pusat Memandu Yokohama yang dihoskan bersama Persatuan Perkhidmatan Penghantaran Makanan Jepun dengan kehadiran pekerja-pekerja dari syarikat utama Uber Eats (*Jun 2021*). Dalam artikel lain pula ada dilaporkan tentang usaha polis wilayah Miyagi menyediakan seminar keselamatan lalu lintas untuk kakitangan penghantaran makanan berbasikal dan penubuhan organisasi industri yang terdiri daripada 13 buah syarikat penghantar makanan bertujuan untuk memperbaiki keadaan kerja dan adab lalu lintas (*Jun 2021*).

## **ISU NEGATIF DALAM TEMA “UBER”**

Secara keseluruhannya, artikel berita yang melaporkan tema negatif tentang Uber menyerlahkan pelbagai aspek cabaran yang dihadapi oleh Uber Eats dan pekerjaannya di Jepun, termasuk sistem pampasan baharu yang tidak adil, keselamatan lalu lintas, dan pematuhan kepada undang-undang. Sejak memasuki pasaran pada tahun 2016, Uber menghadapi beberapa cabaran termasuk halangan pengawalseliaan dan persaingan daripada syarikat taksi tradisional. Walau bagaimanapun, syarikat itu terus mengembangkan perkhidmatannya dan kini beroperasi di beberapa bandar utama di Jepun. Sentimen negatif yang terhasil daripada laporan akhbar mengenai Uber salah satunya berkait dengan komen daripada pihak Uber Eats yang enggan berunding dengan kesatuan sekerja mengenai hak pekerja gig (*Mei 2021*). Terdapat laporan akhbar yang mengetengahkan cabaran yang dihadapi oleh pekerja gig seperti gaji yang rendah, kebimbangan keselamatan, dan kontroversi kepada pengklasifikasian pekerja gig sebagai ‘kontraktor bebas’ dan bukannya ‘pekerja’ (*Mei 2021*).

Selain itu, jumlah pampasan yang diterima oleh pemandu penghantaran makanan juga berkurangan setelah Uber Eats memperkenalkan sistem baharu di mana kadar asal iaitu 450 yen bagi setiap pesanan telah dikurangkan kepada 300 yen (*Mei 2021*). Pemandu Uber juga terpaksa membayar kos kerosakan akibat kemalangan dengan insurans mereka sendiri kerana tidak mendapat sokongan daripada syarikat Uber Eats (*Jun 2022*). Dalam isu lain, dua pemandu penghantaran Uber Eats telah dirujuk ke pejabat pendakwa raya daerah kerana bekerja tanpa permit dan diberikan saman kerana melanggar undang-undang jalan raya. Di Jepun, kesalahan saman pada basikal boleh mengakibatkan rekod jenayah, sama seperti menerima mata pada lesen memandu (*Mei 2022*).

Sementara itu, artikel berita lain pula melaporkan keputusan mahkamah daerah Tokyo yang melarang bekas eksekutif kedua Uber Eats Japan daripada bekerja di syarikat pesaing selama sembilan bulan kerana dikhuatiri akan menggunakan maklumat seperti penambahbaikan perniagaan dan analisis pelanggan syarikat (*Februari 2022*). Terdapat juga laporan akhbar tentang kesan pandemik COVID-19 ke atas perniagaan dan pemandu penghantaran Uber di daerah membeli-belah berhampiran stesen bandar Tokyo yang semakin renggang dan kurang menerima pesanan (*April 2021*).

## **ISU POSITIF DALAM TEMA “UBER”**

Laporan akhbar bersentimen positif melaporkan penghargaan yang diberikan kepada seorang pekerja Uber dan peningkatan servis kedai serbaneka yang bekerjasama dengan Uber Eats semasa pandemik COVID-19. Dilaporkan bahawa seorang pemandu Uber Eats bernama

Tahata Yoshifumi, berumur 35 tahun, telah menerima surat penghargaan daripada balai polis Nishi-ku, kerana mengejar seorang peragut beg dan membantu polis menangkap suspek di daerah Nishi, Osaka (*Disembar 2022*).

Terdapat juga laporan mengenai pengumuman oleh Uber Eats tentang pengenalan kepada perkhidmatan penghantaran di wilayah Fukushima, Koriyama, dan Iwaki dengan sebanyak 110 restoran berdaftar. Penyertaan tersebut merupakan penyertaan kelima di wilayah Tohoku dan ia menjadikan sebanyak 40 daerah di Jepun sudah mempunyai perkhidmatan penghantaran Uber Eats (*Jun 2021*). Dalam artikel lain, Asahi Shimbun melaporkan servis penghantaran dari kedai serbaneka berdekatan meningkat dengan tinggi semasa pandemik COVID-19. Peningkatan ini dapat dilihat pada Lawson yang bekerjasama dengan Uber Eats di kira-kira 2,200 buah kedainya yang terletak di 33 wilayah di Jepun (*November 2021*).

## **ISU NEGATIF DALAM TEMA “PEKERJA”**

Isu negatif yang muncul dalam tema pekerja menyebut tentang sistem bayaran upah yang rendah dan kekeliruan mengenai pengelasan pekerja serta insiden penghantar dan pelanggan. Terdapat laporan akhbar yang mengetengahkan cabaran yang dihadapi oleh pekerja penghantaran, termasuk upah yang rendah dan masalah keselamatan, serta manfaat untuk restoran dan pelanggan. Berita lain pula menyentuh kontroversi mengenai pengelasan pekerja penghantaran sebagai kontraktor bebas bukannya sebagai pekerja, dan usaha beberapa pekerja untuk bergabung dengan kesatuan untuk menuntut layanan yang lebih baik (*Mei 2021*). Dilaporkan bahawa pihak Uber Eats telah menolak cadangan tersebut. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, berita melaporkan bahawa permintaan untuk menjadi pekerja perkhidmatan penghantaran makanan terus berkembang dan pekerja gig sering dirujuk sebagai “jizo” kerana kehadiran mereka yang kerap di jalan merupakan peranan yang penting dalam industri ini (*Mei 2021*).

Selain itu, terdapat beberapa laporan akhbar berkaitan dengan insiden yang melibatkan penghantar dari pelbagai perkhidmatan penghantaran di Jepun. Dalam artikel pertama, seorang penghantar ditangkap kerana menggunakan pistol elektrik ke atas pelanggan dan mendakwa ianya sebagai pembelaan diri. Artikel kedua melaporkan tentang seorang penghantar Uber Eats didakwa atas kesalahan langgar lari (*Disember 2022*). Manakala artikel lain pula melaporkan dua orang penghantar lelaki berusia 20-an yang tinggal di Wilayah Osaka dan bekerja untuk perkhidmatan penghantaran makanan Uber Eats dirujuk ke Pejabat Peguam Negara Wilayah Osaka pada 2 Mac kerana disyaki melanggar Akta Pengangkutan Jalan raya kerana melakukan penghantaran tanpa permit atau kebenaran yang diperlukan untuk menggunakan motosikal dan kereta. Kedua-dua individu ini mengaku bersalah dan memaklumkan bahawa mereka menggunakan kereta kerana lokasi penghantaran jauh. Berdasarkan peraturan, seseorang harus mendapatkan permit ketika menggunakan kereta atau motosikal dengan kapasiti enjin melebihi 125cc dan perlu mendapatkan nombor perniagaan dengan momohon kepada biro pengangkutan di setiap wilayah (*Ogos 2021*).

## **ISU POSITIF DALAM TEMA “PEKERJA”**

Isu positif dalam tema pekerja memperlihatkan laporan mengenai negara luar sebagai contoh bagi Jepun untuk mengiktiraf status pekerja gig sebagai pekerja. Terdapat laporan yang menyatakan bahawa perlindungan buat pekerja gig telah mula dilakukan oleh negara-negara barat di Eropah dan Amerika Syarikat. Contohnya, keputusan mahkamah agung Perancis telah mengiktiraf status pekerja gig sebagai “pekerja” dan bukannya pekerja bebas pada tahun 2018, dan mahkamah agung United Kingdom dan California masing-masing telah menetapkan gaji

minimum dan cuti berbayar buat pekerja gig pada tahun 2020 dan tahun 2021. Dalam referendum Suruhanjaya Eropah, cawangan eksekutif kesatuan Eropah telah mengumumkan rang undang-undang yang menetapkan kriteria untuk menentukan sama ada pekerja gig harus dilindungi sebagai pekerja dan mencadangkan peningkatan ketelusan dalam algoritma aplikasi syarikat gig dalam menilai pekerja pada tahun 2021. Secara keseluruhannya, sentimen artikel ini menggalakkan pengiktirafan undang-undang hak pekerja untuk pekerja gig di Jepun dengan memberi contoh dari negara Eropah dan Amerika Syarikat sebagai antara negara yang mula bergerak ke arah melindungi pekerja gig dengan harapan untuk melindungi pampasan dan insurans mereka (*November 2022*).

## **ISU NEGATIF DALAM TEMA “UNDANG-UNDANG”**

Laporan akhbar yang tergolong dalam kategori ini meliputi pelbagai isu yang berkaitan undang-undang. Antaranya ialah mengenai seorang bekas eksekutif yang mendedahkan maklumat sulit syarikat dan dilarang bekerja untuk syarikat pesaing selama sembilan bulan. Terdapat juga laporan mengenai seorang penghantar makanan yang didakwa atas tuduhan membunuh oleh kerana pemanduan tidak berhemah ketika melakukan aktiviti penghantaran. Selain itu, dua orang pekerja Uber Eats didakwa membantu orang asing tanpa status penempatan sah untuk bekerja sebagai pemandu penghantaran.

Salah satu isu yang utama ialah mengenai keluhan penghantar kepada syarikat mengenai sistem pampasan Uber Eats serta tentang sistem ganjaran Uber Eats yang sedikit sebanyak menyumbang kepada risiko kemalangan. Dengan mengambil kira sistem ganjaran Uber Eats yang direka untuk menggalakkan pemanduan berbahaya, seorang pemandu yang menyebabkan kematian seorang pejalan kaki didakwa dengan kecuaiannya sehingga mengakibatkan kemalangan jalan raya. Sistem ganjaran Uber Eats ini telah dilihat sebagai sistem yang mengutamakan keuntungan berbanding keselamatan oleh pejabat Pendakwa Raya Wilayah Tokyo, namun begitu pihak Uber Eats hanya menyatakan mereka akan mempertingkatkan usaha mereka untuk menggalakkan keselamatan lalu lintas untuk pemandu-pemandu penghantar dan enggan memberikan maklum balas kepada kejadian yang meragut nyawa orang awam tersebut (*Januari 2022*).

Rata-rata laporan berita menunjukkan bagaimana Uber Eats Jepun menghadapi pelbagai cabaran berkaitan dengan keselamatan, kepentingan mematuhi undang-undang jalan raya, dan hak pekerja, yang mungkin menimbulkan risiko terhadap perniagaannya (*Jun 2022*). Tambahan lagi, pemandu penghantaran yang bekerja mengikut jadual sendiri dianggap sebagai pekerja bebas dan mereka menghadapi keadaan kerja yang mencabar dan persaingan yang sengit, terutamanya semasa pandemik. Sementara itu, terdapat juga isu basikal berenjin import yang tidak memenuhi piawaian jalan raya Jepun yang dijual dalam talian dan pihak polis wilayah Hyogo mengeluarkan notis “pelonggaran peraturan” berhubung basikal berenjin pada bulan Jun sebagai tindak balas kepada permintaan pemandu yang ingin menggunakannya sebagai kaedah penghantaran, namun memberi amaran kepada pemandu penghantaran supaya mengetahui keperluan undang-undang sebelum membeli kenderaan tersebut (*Ogos 2021*).

## **ISU POSITIF DALAM TEMA “UNDANG-UNDANG”**

Isu yang diketengahkan dalam tema ini adalah mengenai peningkatan kes COVID-19 di wilayah Iwate dan penubuhan Pusat Sokongan Pemantauan Kesihatan Iwate untuk membantu pesakit yang berada di rumah (*Februari 2022*). Iwate mengumumkan dasar pemulihan di rumah untuk pesakit di bawah umur 50 tahun yang tiada penyakit asas dan risiko penyakit rendah, dan mencatatkan seramai 597 orang pesakit yang berada di rumah.

## **ISU POSITIF DALAM TEMA “MASA SINGKAT”**

Pelaporan berita mengenai penghantaran makanan dalam masa yang singkat banyak menyentuh tentang inisiatif yang diambil oleh kedai serbaneka untuk berkolaborasi dengan syarikat perkhidmatan ekonomi gig bagi memendekkan masa penghantaran kepada pelanggan. Syarikat seperti Onigo dan Z Holdings menggunakan perkhidmatan Demae-can bagi menghantar barangan keperluan harian yang ditempah oleh pelanggan. Sementara itu, rangkaian kedai serbaneka seperti 7-Eleven di Hokkaido dan Lawson di 33 buah daerah di seluruh Jepun mempromosikan perkhidmatan penghantaran segera menggunakan perkhidmatan dari rangkaian kedai mereka sendiri. Dilaporkan bahawa rangkaian kedai serbaneka menerima tempahan untuk 3,000 jenis item makanan dan lain-lain produk dalam jarak radius 500 meter dari kedai dan penghantaran dibuat dalam masa sepantas 30 minit. Pandemik COVID-19 telah menggalakkan permintaan untuk perkhidmatan sedemikian apabila kedai-kedai serbaneka ini menjanjikan penghantaran dalam masa 10-30 minit selepas membuat pesanan, bagi kawasan penghantaran yang berada dalam lingkungan satu hingga empat kilometer dari lokasi kedai (*November 2021*).

## **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

Penyelidikan mengenai isu ekonomi gig di Jepun telah dilakukan dengan merujuk kepada laporan akhbar Asahi Shimbun semasa tempoh awal tahun 2021 sehingga akhir tahun 2022. Kajian mendapati bahawa kebanyakan laporan akhbar memaparkan sentimen negatif terhadap kerja gig. Aspek negatif yang dilaporkan termasuklah isu-isu yang dihadapi oleh pekerja, dengan perubahan sistem pampasan penghantaran Uber Eats Jepun menjadi perhatian utama. Perubahan ini mengakibatkan ketidakpuasan hati dalam kalangan pekerja yang merasakan pendapatan mereka terjejas. Selain itu, kebimbangan tentang kebajikan dan keselamatan semasa aktiviti penghantaran makanan juga diketarakan. Antara isu membimbangkan lain adalah keselamatan lalu lintas dan pematuhan undang-undang. Terdapat juga kebimbangan mengenai penggunaan teknologi moden iaitu sistem elektronik, sistem gaji yang rendah, kekeliruan klasifikasi pekerja dan insiden penghantar dan pelanggan yang menimbulkan persoalan tentang masalah kecuaiannya pekerja dan status penyedia platform ekonomi gig dalam memastikan keselamatan pekerja.

Walau bagaimanapun, penyelidikan ini juga menemukan aspek positif tentang ekonomi gig walaupun semasa pandemik. Terdapat laporan mengenai peningkatan perkongsian antara kedai serbaneka dan Uber Eats serta usaha kerjasama antara kedai serbaneka dan syarikat perkhidmatan ekonomi gig untuk mengurangkan masa penghantaran untuk pelanggan. Selain itu, terdapat juga laporan mengenai pengenalan pusat sokongan pemantauan kesihatan semasa penularan wabak pandemik, dan penghargaan yang dinyatakan untuk pekerja Uber Eats atas sumbangan langsung dan tidak langsung mereka kepada masyarakat. Akhir sekali, saranan agar Jepun mencontohi negara lain dalam mengiktiraf pekerja gig sebagai pekerja, dan inisiatif pihak berkuasa untuk memudahkan akses kepada keperluan harian untuk pekerja dan orang ramai merupakan antara aspek positif yang dapat dilihat mengenai perkembangan ekonomi gig di Jepun semasa pandemik COVID-19.

Tuntasnya, walaupun berita negatif yang mengutarakan isu ekonomi gig banyak dilaporkan, terdapat juga berita positif yang menyokong perkembangan ekonomi gig di Jepun. Penyelidikan ini diharapkan dapat menyumbang secara signifikan dalam wacana ekonomi gig sebagai salah satu kajian penerokaan kepada pelaporan media terhadap ekonomi gig. Dengan analisis komprehensif kedua-dua aspek negatif dan positif ekonomi gig di Jepun, penyelidikan

itu memberikan pemahaman yang menyeluruh tentang situasi semasa. Pendekatan holistik ini membolehkan perbincangan termaklum dan proses membuat keputusan, memupuk persekitaran yang kondusif untuk perubahan dan kemajuan positif dalam sektor ekonomi gig. Dengan mengutamakan kebajikan dan hak pekerja gig, penggubal dasar dan pihak berkepentingan industri boleh bekerjasama untuk mewujudkan ekonomi gig yang lebih saksama dan mampan yang memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat.

## RUJUKAN

- Artero, M. Jesus, R. Gomez-Alvarez, and Cristina Borra. "Education, Inequality and Use of Digital Collaborative Platforms: The European Case." (2020). <https://doi.org/10.1177/1035304620943109>.
- Clayton, Richard. "The Growth of the Gig Economy in Japan: An Interview with Appen." 2019. <https://blog.payoneer.com/home-page/gig-economy-japan-interview-with-appen/>.
- Collier, Ruth B., V. B. Dubal, Christopher Carter, and Escholarship Org. "Working Paper Series Title Labor Platforms and Gig Work: The Failure to Regulate." *UC Berkeley: Institute for Research on Labor and Employment* (2017). <https://escholarship.org/uc/item/4c8862zj>.
- Degryse, Christophe. "Digitalisation of the Economy and Its Impact on Labour Markets." *SSRN Electronic Journal* (2016). <https://doi.org/10.2139/ssrn.2730550>.
- Karako, Kenji, Peipei Song, Yu Chen, and Takashi Karako. "Covid-19 in Japan During 2020-2022: Characteristics, Responses, and Implications for the Health Care System." *Journal of Global Health* 12 (2022): 12-15. <https://doi.org/10.7189/jogh.12.03073>.
- Kyodo, News. "Uber Eats Delivery Staff in Japan Form Labor Union." 2019. <https://english.kyodonews.net/news/2019/10/d2198529f08b-update1-uber-eats-delivery-staff-in-japan-form-labor-union.html>.
- Lancer. "進化するフリーランスの未来 - フリーランス実態調査 2018 - 今回の調査概要 (the Evolving Future of Freelancing)." (2018): 0-27.
- Leximancer. "Leximancermanual.Pdf." (2011).
- Liang, Yin, Jeremy Aroles, and Bernd Brandl. "Charting Platform Capitalism: Definitions, Concepts and Ideologies." *New Technology, Work and Employment* 37, no. 2 (2022): 308-27. <https://doi.org/10.1111/ntwe.12234>.
- NikkeiAsia. "Uber Teams up with Japan's Rakuten as Food Delivery War Heats Up." (Japan), 18 April 2022. <https://asia.nikkei.com/Business/Companies/Uber-teams-up-with-Japan-s-Rakuten-as-food-delivery-war-heats-up#:~:text=Uber>
- Pangrazio, Luci, Cameron Bishop, and Fiona Lee. "Old Media, New Gigs: The Discursive Construction of the Gig Economy in Australian News Media." *Work, Employment and Society* (2021). <https://doi.org/10.1177/09500170211034663>.
- "Uber eats Officially Launches in Tokyo." 2016, <https://www.techinasia.com/ubereats-official-tokyo-launch>.
- Shan, Desai, and Pengfei Zhang. "Enforcing Workers' Compensation Rights for Chinese Seafarers in Human Resource Supply Chains." (2021). <https://doi.org/10.1177/1035304620962724>.
- "Japan's Untapped Food Delivery Market Is Already Crowded: Who's Winning?", Updated 31 September 2021, 2021, accessed May 19, 2023, <https://blog.measurable.ai/2021/09/30/japans-untapped-food-delivery-market-is-already-crowded-whos-winning/>.

- Shibata, Saori. "Gig Work and the Discourse of Autonomy: Fictitious Freedom in Japan's Digital Economy." *New Political Economy* 25, no. 4 (2020): 535-51. <https://doi.org/10.1080/13563467.2019.1613351>.  
<https://doi.org/10.1080/13563467.2019.1613351>.
- Smith, Andrew E., and Michael S. Humphreys. "Evaluation of Unsupervised Semantic Mapping of Natural Language with Leximancer Concept Mapping." *Behavior Research Methods* 38, no. 2 (2006): 262-79. <https://doi.org/10.3758/BF03192778>.
- Stewart, Andrew, and Jim Stanford. "Regulating Work in the Gig Economy: What Are the Options?". *Economic and Labour Relations Review* 28, no. 3 (2017): 420-37. <https://doi.org/10.1177/1035304617722461>.
- The Asahi, Shimbun. "Uber Eats Staff Forms Union, Wants Security Delivered Hot." Japan, 2019. <https://www.asahi.com/ajw/articles/13059310>.
- The Japan Institute for Labor, Policy. *Labor Situation in Japan and Its Analysis*. (2006). <http://www.jil.go.jp/english/lmj/detailed/2005-2006/chapter1.pdf>.
- The Japan, Times. "Japan Aims to Create New Law to Better Protect Freelancers." (Japan), 2023. <https://www.japantimes.co.jp/news/2023/01/30/national/crime-legal/freelancers-legal-framework/>.
- Uchiyama, Yosuke, Fumitaka Furuoka, Md Nasrudin Md Akhir, Jingyi Li, Beatrice Lim, and Khaiful Hanim Pazim. "Labour Union's Challenges for Improving for Gig Work Conditions on Food Delivery in Japan: A Lesson for Malaysia." *International Journal of East Asian Studies* 11, no. 1 (2022): 83-111. <https://doi.org/10.22452/ijeas.vol11no1.7>.
- Umer, Hamza. "Illusory Freedom of Physical Platform Workers: Insights from Uber Eats in Japan." *The Economic and Labour Relations Review* 32, no. 3 (2023): 437-52. <https://doi.org/10.1177/1035304621992466>.